

DIPYRIDAMOLE TABLET 75 mg®

DIPYRIDAMOLE TABLET 75 mg

Apakah yang ada pada risalah ini:

1. Apakah kegunaan Dipyridamole Tablet 75 mg
2. Bagaimana Dipyridamole Tablet 75 mg berfungsi
3. Sebelum mengambil Dipyridamole Tablet 75 mg
4. Cara pengambilan Dipyridamole Tablet 75 mg
5. Semasa menggunakan Dipyridamole Tablet 75 mg
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan
8. Diskripsi produk

Apakah kegunaan Dipyridamole Tablet 75 mg

Dipyridamole Tablet 75 mg digunakan untuk menghalang darah beku, biasanya digunakan bersama warfarin, selepas pembedahan jantung atau buah pinggang.

Bagaimana Dipyridamole Tablet 75 mg berfungsi

Ubat ini mengandungi dipyridamole. Ini tergolong dalam kumpulan ubat-ubatan yang dipanggil agen anti-platelet. Dipyridamole membantu untuk menghalang pembentukan darah beku, terutama apabila anda mempunyai injap jantung buatan.

Sebelum mengambil Dipyridamole Tablet 75 mg

Penggunaan bersama Dipyridamole Tablet 75 mg dan heparin boleh menyebabkan peningkatan bahaya pendarahan.

Dipyridamole Tablet 75 mg harus digunakan dengan berhati-hati pada pesakit yang mempunyai tekanan darah rendah.

Terapi berterusan dengan Dipyridamole Tablet 75 mg mungkin diperlukan untuk 2 atau 3 bulan sebelum keberkesanan penuh dicapai dalam mencegah angina.

Cara pengambilan Dipyridamole Tablet 75 mg

Berapa banyak untuk diambil

Sentiasa mengambil ubat Dipyridamole Tablet 75 mg tepat seperti arahan doktor anda. Jika anda tidak pasti, tanyakan dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Dos:

Dewasa (termasuk orang tua): 300-600 mg sehari.
Kanak-kanak: belum ada penetapan dos.

Bila ubat diambil

Ambil ubat Dipyridamole Tablet 75 mg sebelum makan

Jika anda lupa mengambil ubat

Jika anda terlewat mengambil dos Dipyridamole Tablet 75 mg, ambil ubat secepat mungkin. Jika hampir masa untuk dos berikutnya, lewatkan dos tersebut dan kembali ke jadual dos rutin. Jangan mengambil 2 dos sekaligus.

Jika anda mengambil ubat terlalu banyak

Jika anda mengambil dos lebih dari yang ditetapkan, hubungi doktor atau ahli farmasi anda. Tanda-tanda dos berlebihan adalah seperti sakit kepala, gangguan perut dan tekanan darah rendah.

Semasa menggunakan Dipyridamole Tablet 75 mg

1. Jangan mengambil lebih dari dos yang disyorkan.
2. Anda dinasihatkan untuk mengelakkan pengambilan alkohol.
3. Jika anda telah diberitahu bahawa anda mempunyai intoleransi terhadap gula, hubungi doktor sebelum mengambil ubat ini.

Kesan-kesan sampingan

Kesan-kesan sampingan termasuk pening kepala, pengsan, muka memerah, sakit kepala, muntah, ruam kulit, gangguan bahagian perut dan letih. Kesan-kesan sampingan mungkin lebih kerap dengan kenaikan dos.

Jika anda mendapati apa-apa kesan sampingan seperti berikut berhenti mengambil Dipyridamole Tablet 75 mg dan berjumpa dengan doktor anda secepat mungkin: gejala penyakit jantung semakin teruk, denyut jantung menjadi cepat, peningkatan perdarahan selepas operasi, merah pada kulit dan lebam.

Cara penyimpanan dan pelupusan

Penyimpanan

Simpan ke dalam bekas yang tertutup rapat dan diletak di tempat yang kering, dibawah suhu 25°C. Jauhi dari cahaya dan kanak-kanak.

Pelupusan

Jangan buang ubat ke dalam longkang dan tong sampah. Bertanyakan kepada ahli farmasi anda cara membuang ubat yang tidak diperlukan lagi.

Diskripsi produk

Rupa dan warna tablet

Dipyridamole Tablet 75 mg adalah tablet bulat bersalut gula berwarna kemerahan jingga. Saiz pek adalah: Botol plastik dari 30 tablet dan Botol plastik dari 500 dan 1000 tablet (untuk Tender atau Eksport sahaja).

Bahan-bahan

Bahan aktif ubat adalah dipyridamole. Setiap tablet mengandungi 75 mg bahan aktif.

Bahan lain dari Dipyridamole Tablet 75 mg adalah laktosa, 'povidone', 'sodium starch glycolate', magnesium stearat, serbuk talkum, akasia, 'calcium carbonate', , kanji jagung, 'Titanium Dioxide', 'light magnesium carbonate', Warna FDC No. 6, 'plain syrup', 'PVP shellac', larutan pengilap.

Nombor Pendaftaran:

Dipyridamole Tablet 75 mg:
MAL19860181A

Dikilangkan oleh:

Idaman Pharma Manufacturing Sdn Bhd
(661901-P)
Lot 24, Bakar Arang Industrial Estate,
Sungai Petani, Kedah, Malaysia.

Tarikh semakan:

Pemegang Kuasa Pemasaran

10 Ogos 2011

IDAMAN PHARMA MANUFACTURING SDN BHD